


MODUL
BAHASA MELAYU
SJK
TAHUN 4
UNIT 19 CERDIK SAINS

NAMA : _____

KELAS : _____

UNIT 19 CERDIK SAINS

Begini Caranya



Kawan Aidil : Aidil, mengapakah rantai basikal itu terputus?

Aidil : Rantai basikal itu terputus kerana berkarat.

Kawan Aidil : Bagaimanakah rantai basikal itu boleh berkarat?

Aidil : Rantai basikal itu boleh berkarat kerana terdedah pada air dan udara dalam tempoh yang lama.

Kawan Aidil : Mengapakah kamu membubuh minyak pada rantai basikal kamu?

Aidil : Saya membubuh minyak _____

Kawan Aidil : Bagaimanakah tindakan itu dapat mencegah karat?

Aidil : Tindakan itu _____

Kawan Aidil : Apakah kebaikannya jika rantai basikal kamu tidak berkarat?

Aidil : _____

Baju yang mana

(Menulis ayat)

Cuaca pada hari itu sangat panas. Aidil mahu memilih baju yang sesuai untuk dipakai pada tengah hari itu. Dia pun membuka almari bajunya.

Di dalam almarnya tergantung beberapa helai baju yang berlainan warna. Ada yang nipis dan ada yang tebal. Baju-baju itu diperbuat daripada jenis kain yang berbeza-beza seperti kain kapas, kain bulu dan poliester.

“Baju apakah yang selesa untuk kupakai?” kata Aidil.

Setelah berfikir sebentar, dia pun mencapai sehelai baju berwarna putih. Baju itu nipis dan diperbuat daripada kain kapas.

Aidil bijak. Dia tahu bahawa kain kapas mudah menyerap peluh. Dia juga tahu bahawa baju yang nipis kurang memerangkap haba. Selain itu, baju berwarna putih dapat mengurangkan kepanasan kerana sifatnya yang memantulkan cahaya dan haba.

“Wah, selesanya baju ini!” kata Aidil dengan gembiranya.



Kita perlulah rasional dan bijak menggunakan pengetahuan

Nyatakan ciri baju yang sesuai di pakai semasa cuaca panas

MANFAATKAN MAGNET

Menjawab soalan pemahaman

Buah catur akan melekat pada papan catur.

Mei Fung melekatkan nota kecil pada pintu peti sejuk.

Gauri membantu kakaknya mengutip pin yang terjatuh di permukaan permadani.

magnet

1. Apakah yang terdapat pada bahagian bawah buah catur?
2. Mei Fung melekatkan nota kecil di mana?

1. Apakah yang terdapat pada bahagian bawah buah catur?

2. Mei Fung melekatkan nota kecil di mana?

3. Bagaimanakah magnet dapat membantu Gauri menyelesaikan masalahnya?

4. Mengapakah magnet dilekatkan pada buah catur?


5. Apakah kegunaan lain magnet dalam kehidupan kita?

Pokok Oh Pokok
(menulis maksud pantun)

Pantun	Maksud pantun
Pokok, oh, pokok! Mengapa perlu udara? Saya perlu akan udara Untuk tumbesaran	Pokok memerlukan udara untuk tumbuh dan membesar.
Bunga, oh, bunga! Mengapa berbau harum? Bau saya sangat harum Untuk pikat serangga	
Daun, oh, daun! Mengapa perlu cahaya? Saya perlu akan cahaya Untuk fotosintesis	
Akar, oh, akar! Mengapa suka menjalar? Saya memang suka menjalar Untuk mencari air	

Taman Sains Sekolah

(isi tempat kosong)



Gauri : Wah, indahny taman sains sekolah kita!

Dinesh : Ya, Gauri. Taman sains sekolah kita sungguh indah. Pelbagai jenis pokok hidup subur di situ. Ada pokok bunga, pokok herba dan pokok duit-duit.

Gauri : Taman sains itu juga menjadi habitat kepada pelbagai jenis haiwan seperti _____ dan pepatung.

Dinesh : Apakah alat yang berbentuk seperti kipas itu?

Gauri : Itu _____

Dinesh : Tumbuhan apakah yang menyerupai bawang itu?

Gauri : Tumbuhan itu ialah _____ .

Dinesh : Burung apakah yang hinggap di _____ pokok itu?

Gauri : Oh, itu burung merpati!